

14 DEC 1996

Misuari - Lawat

NUR MISUARI AKAN BUAT LAWATAN RASMI KE MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 14 Dis (Bernama) -- Gabenor Wilayah Autonomi Mindanao Islam, Nur Misuari, akan tiba di sini esok untuk melakukan lawatan rasmi selama seminggu ke Malaysia.

Menurut kenyataan Wisma Putra hari ini, Misuari yang juga Pengerusi Majlis Selatan Filipina bagi Keamanan dan Pembangunan, akan diiringi oleh delegasi 20 pegawai.

Lawatannya bertujuan untuk mempelawa syarikat Malaysia melabur dalam projek ekonomi dan usahasama di selatan Filipina, satu daripada lima wilayah dalam lingkungan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur (EAGA).

Wilayah lain ialah Brunei, Sabah, Sarawak dan Kalimantan di Indonesia.

Kenyataan itu menyebut Misuari akan mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Isnin dan berunding dengan Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi.

Pada hari yang sama, beliau akan berceramah pada promosi pelaburan sambil makan tengah hari anjuran Persatuan Selatan-Selatan Malaysia di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri.

Misuari akan menghadiri taklimat di Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Lembaga Urusan dan Tabung Haji, Bank Islam, Permodalan Nasional Berhad, Universiti Islam Antarabangsa dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Beliau juga akan melawat kilang Perodua, Taman Teknologi Malaysia dan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

Misuari juga akan melawat Selangor, Pahang dan Terengganu untuk berunding dengan para pegawai negeri-negeri berkenaan mengenai cara untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara negerui-negeri itu dan Selatan Filipina.

Di negeri-negeri berkenaan, Misuari akan melawat projek perumahan dan berkaitan pelancongan, rancangan tanah Felda, kompleks minyak Petronas di Kerteh dan beberapa industri kampung. -- BERNAMA

ZAB FAZ